

08 SEP 1997

Mahathir-Mongolia

MAHATHIR SOKONG HASRAT MONGOLIA JALIN HUBUNGAN DENGAN ASIA PASIFIK

Oleh: Zulkefli Salleh

ULAN BATOR (Mongolia), 8 Sept (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata Malaysia menyambut baik dan menyokong hasrat Mongolia hendak menjalin hubungan lebih rapat dengan negara di rantau Asia Pasifik termasuk Asia Tenggara.

Beliau menyifatkan langkah itu sebagai satu-satunya jaminan untuk keamanan dan kestabilan yang tulen di rantau ini.

Dr Mahathir berkata kemajuan ekonomi yang pesat di Asia Pasifik bukan sahaja merupakan pasaran yang penting bagi barangan Mongolia tetapi juga sebagai sumber pelaburan bagi negara itu.

"Lebih daripada memperolehi faedah ekonomi, hubungan rapat antara negara-negara di rantau Asia Pasifik, tidak kira kecil atau besar, kaya atau miskin, merupakan satu-satunya jaminan untuk kestabilan dan keamanan yang tulen untuk rantau ini," katanya.

Dr Mahathir yang tiba di sini petang ini berkata demikian pada satu majlis jamuan malam oleh Perdana Menteri Mongolia M. Enkhsaikhan di Rumah Kerajaan di sini bagi meraikan lawatan rasmi empat hari beliau ke Mongolia.

Rombongan Dr Mahathir yang diiringi Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali, terdiri daripada tujuh menteri kabinet dan seorang Ketua Menteri serta delegasi perniagaan mengandungi 66 tokoh korporat dan perniagaan untuk meninjau peluang-peluang kerjasama ekonomi dan perdagangan.

Beliau berkata sebarang percubaan untuk memencil, menyekat atau meminggir mana-mana negara daripada memainkan peranannya yang sah di dalam hal-hal politik dan ekonomi serantau adalah sama seperti menyemai bibit-bibit rasa tidak puas hati dan ketidakstabilan.

Bagaimanapun, Dr Mahathir berkata beliau yakin hasrat Mongolia itu akan diterima baik oleh negara-negara di rantau Asia Pasifik.

Dr Mahathir, yang pertama kali melawat ke negara yang terletak antara Rusia dan China itu, menyatakan rasa gembira kerana Mongolia dalam masa singkat telah mencapai kemajuan ekonomi yang besar ekoran pembaharuan ekonomi dan politik yang dilaksanakannya.

Kejayaan itu menunjukkan kebolehan dan keazaman rakyat Mongolia untuk mengatasi pelbagai cabaran yang dihadapi mereka, katanya.

"Ini mengingatkan saya kepada kejayaan besar di era kegemilangan Mongolia di zaman pemerintahan Genghis Khan dan Kublai Khan yang berjaya mengatasi segala halangan dan meninggalkan kesan yang tidak boleh dilupakan dalam sejarah manusia," katanya.

Dr Mahathir berkata hubungan Malaysia-Mongolia, yang mengadakan hubungan diplomatik sejak 26 tahun lalu, menempa lembaran baru berikutan lawatan pada Julai 1995 oleh Perdana Menteri Mongolia ketika itu, Putsagiin Jasrai.

Sambil menyatakan harapan lawatannya akan mendorong pengukuhan hubungan dua hala, Dr Mahathir berkata beliau menunggu perbincangan dua hala esok di mana kedua-dua pihak akan bertukar-tukar pandangan mengenai kepentingan bersama di samping mengenal pasti bidang kerjasama yang akan mengukuhkan lagi hubungan antara kedua-dua negara.

Malaysia dan Mongolia esok dijangka menandatangani Perjanjian Perkhidmatan Udara, Perjanjian Induk Kerjasama Ekonomi, Sainifik, Pendidikan, Teknikal dan Kebudayaan serta Memorandum Persefahaman mengenai kerjasama saintifik dan teknikal dalam penggunaan minyak kelapa sawit di Mongolia.

Dr Mahathir berharap sektor swasta kedua-dua negara turut

mempertingkatkan kerjasama dalam bidang perniagaan dan pelaburan kerana mereka mempunyai peranan kritikal dalam memperluaskan aspek ekonomi antara Malaysia dan Mongolia.

Beliau berkata ahli perniagaan Malaysia digalakkan meninjau peluang perniagaan dalam sektor pelancongan, pengangkutan, telekomunikasi, perlombongan, perumahan dan pembinaan infrastruktur.

Beliau gembira kerana beberapa syarikat Malaysia telah melabur di Mongolia dan berharap lebih banyak lagi syarikat lain turut berbuat demikian selepas ini.

Enkhsaikhan dalam ucapannya, melahirkan harapan negara itu untuk menjalin hubungan dan kerjasama yang lebih erat dengan negara-negara di Asia Pasifik.

"Kami percaya selepas berakhir perang dingin, Asean membuat sumbangan penting kepada mengukuhkan kestabilan dan menggalakkan kerjasama ekonomi di rantau Asia Pasifik," katanya.

Beliau berkata Mongolia sangat berterima kasih kepada Malaysia kerana bersikap positif kepada hasrat mereka untuk menyertai Apec dan untuk mengambil bahagian dalam Forum Serantau Asean. -- BERNAMA

ZKS AKD